



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28/6/2021	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			

Serpihan biskut 'beracun' dalam mulut monyet

Georgetown: Sembilan monyet liar ditemui mati dipercayai akibat diracun dalam kejadian di Paya Terubong di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Sofflan Santong berkata, pihaknya menerima laporan polis oleh pengawal keselamatan yang bertugas di perumahan berhampiran berhubung kejadian itu.

"Pengawal keselamatan terbabit membuat laporan selepas mendapati sembilan monyet liar berkenaan mati disyaki diracun di hadapan sebuah apartmen di sini.

"Kes berkenaan sudah dirujuk kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bagi siasatan lanjut," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, dua video tular menunjukkan beberapa monyet dalam keadaan hampir mati.

Sementara itu, pengawal keselamatan terbabit ketika dihubungi berkata, dia mengetahui kejadian daripada seorang wanita yang kerap memberi makanan kepada haiwan berkenaan.

Katanya, wanita terbabit menghubunginya dan mendakwa menemukan serpihan biskut dipercayai mengandungi racun dalam mulut monyet terbabit lalu bergegas ke lokasi bagi melihat keadaan itu.

"Saya sudah 40 tahun tinggal di sini, belum pernah lagi mendengar aduan



Mereka tidak berhak meracuni makhluk berkenaan dan mengapa ia yang tinggal di hutan diberi racun?"

NV Subbarow

monyet berkenaan mengganggu penduduk. Perbuatan ini sangat kejam dan tindakan tegas perlu diambil terhadap pelaku," katanya.

Dalam pada itu, Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) NV Subbarow berkata, perbuatan meracuni dan membunuh monyet



FOTO: IHSAN PEMBACA

SEBAHAGIAN daripada sembilan monyet dalam keadaan hampir mati di Paya Terubong, Pulau Pinang disyaki diberi makanan mengandungi racun.

liar berkenaan disifatkan amat kejam dan tidak berperikemanusiaan.

"Mereka tidak berhak meracuni makhluk berkenaan dan mengapa ia yang tinggal di hutan diberi ra-

cun?"

"Kita memusnahkan hutan dan membina rumah atas nama pembangunan, tetapi mengapa diganggu makhluk di tempat tinggal mereka?" katanya.

